

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 OKTOBER 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Ancaman siber kembali	Harian Metro
2	Gempa bumi sederhana landa wilayah New Guinea Timur	Bernamea.com

Ancaman siber kembali

Perbankan 'online' jadi sasaran virus



Oleh Afiq Hanif

afiq_hanif@hmetro.com.my

Agensi keselamatan siber di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, CyberSecurity Malaysia (CSM) meminta pengguna berhati-hati ketika menggunakan khidmat perbankan 'online' berikutan peningkatan serangan virus ke atas beberapa laman perbankan popular, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, CSM mengesan trend peningkatan serangan yang dinamakan malware Zeus ke atas laman perbankan 'online'.

"Kita boleh lihat penjenayah siber cuba mengambil kesempatan memasang 'malware' Zeus yang sebelum ini hanya memberi kesan kepada komputer.

"Kaedah sama cuba digunakan dengan memperdaya pengguna sebelum mengesan nombor telefon dan kemudiannya penjenayah akan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) yang mempunyai pautan, tetapi ia sebenarnya sudah dipasang 'malware'," kata Dr Amirudin.

DR Amirudin

Menurutnya, Zeus dikenali sebagai Trojan yang popular digunakan dalam kegiatan 'malware' perbankan kerana ia memberi kesan kepada komputer bertujuan mencuri maklumat perbankan pengguna.

Namun beliau menegaskan, CSM tidak menghalang pengguna daripada meneruskan aktiviti perbankan 'online' memandangkan ia masih selamat.

"Pengguna Android juga tidak perlu risau, namun perlu peka dengan ancaman ini dan mengambil langkah berjaga-jaga," katanya.

Beliau menasihatkan pengguna mengabaikan SMS atau mesej sosial yang kini berleluasa meminta pengguna untuk tidak menggunakan dua laman perbankan popular iaitu Maybank2U dan CIMB Clicks kerana kandungannya tidak tepat," katanya.

Dr Amirudin juga meminta pengguna yang ingin memberi maklum balas atau laporan mengenai aktiviti mencurigakan menghubungi CyberSecurity di e-mel cyber999@cybersecurity.my untuk mengesahkan maklumat atau mendapatkan pertolongan.

Sementara itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengesahkan terdapat penularan ancaman 'malware' Zitmo yang menular di peranti mudah alih.

Dalam kenyataan di laman sosial Facebooknya, SKMM berkata, 'malware' yang dipanggil Zitmo didapati sedang mencuri maklumat perbankan 'online' daripada peranti mudah alih berasaskan Android.

"Malware yang sama juga didapati berupaya menjangkiti telefon jenis Blackberry sebelum ini," kata kenyataan terbabit.

SKMM menasihatkan pengguna lebih berhati-hati dalam urusan transaksi 'online' dan memindah turunkan aplikasi menggunakan versi antivirus terkini dan memastikannya sentiasa dikemas kini boleh membantu.



BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 01 OKTOBER 2014 (RABU)



Gempa Bumi Sederhana Landa Wilayah New Guinea Timur

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada Skala Richter melanda Wilayah New Guinea Timur pada 9.46 malam ini, menurut [Jabatan Meteorologi](#).

Kenyataan jabatan itu menyebut pusat gempa bumi itu terletak 104km timur laut Lae dan 3,460km tenggara Semporna, Sabah.

Tiada ancaman tsunami dilaporkan, katanya.

-- BERNAMA